

Drug Use among Celebrities in the Malaysian Film, Television and Music Industry

(Ketagihan dan Penyalahgunaan Dadah di kalangan Selebriti Tempatan:

Kajian terhadap Industri Filem, Televisyen dan Muzik)

Abstrak

Kajian ini dijalankan berhubung dengan penggunaan dadah di kalangan selebriti tempatan di dalam Industri Filem, Televisyen dan Muzik di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah campuran yang melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk memastikan data yang di kumpul adalah menyeluruh dan mendalam. Proses pengumpulan data bagi kajian ini telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu kaji selidik dan temuduga. Populasi kajian adalah merupakan ahli SENIMAN seramai 4488 ahli. Keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mengumpul sebanyak 766 responden bagi kaji selidik dan 89 responden bagi kaedah temuduga yang termasuk sesi kumpulan fokus dan temuduga secara individu.

Analisa kuantitatif menunjukkan bahawa lebih 80 peratus responden bersetuju bahawa penggunaan dadah akan menyebabkan kepada reputasi negatif terhadap artis. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa ganja adalah merupakan jenis dadah yang paling kerap digunakan di kalangan artis. Hasil penemuan ini telah di sokong oleh hasil penemuan dari kaedah kualitatif di mana ganja merupakan jenis dadah yang paling kerap disebut semasa sesi temuduga. Rakan, individu, bergembira dan tekanan adalah merupakan faktor utama kepada penggunaan dadah di kalangan artis. Penggunaan dadah di kalangan artis, menurut hasil kajian telah memberi lebih banyak kesan negatif berbanding persepsi positif. Kesan negatif terhadap kerja, kesihatan dan emosi adalah membimbangkan. Penemuan dari hasil kajian ini telah berjaya memberikan satu sumber rujukan kepada pihak AADK dan juga SENIMAN mengenai tahap keterlibatan artis dalam penyalahgunaan dadah. Isu-isu strategik seperti masa kerja berlebihan dan juga integrasi strategik antara artis dan pihak berkuasa perlu diambil tindakan segera dan ini dapat membantu Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) membangunkan langkah dasar bagi mengenal pasti serta membendung penggunaan dadah di kalangan kategori ini di Malaysia.